

- Anda mempunyai penyakit-penyakit lain seperti tekanan darah tinggi, masalah jantung (terutamanya denyutan jantung yang tidak teratur), penyakit Parkinson, sumsum tulang yang tidak berfungsi, susah membuang air kencing atau pembesaran prostat, glaukoma, sejarah barah payudara, sejarah sawan dan masalah buah pinggang atau hati.
- Anda sedang hamil atau merancang untuk hamil atau sedang menyusu badan kepada anak.

Elakkan daripada dedahan cahaya matahari yang terik semasa anda mengambil ubat ini. Gunakan bahan penapis cahaya matahari semasa di kawasan yang ada cahaya matahari

Jumpa doktor anda dengan segera jika keadaan yang berikutnya berlaku selepas anda mengambil ubat ini:

- Demam tinggi, otot kaku dengan banyak peluh; atau
- Denyutan jantung yang tidak teratur; atau
- Sawan

Bagaimana saya harus MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat ini di tempat yang dingin dan kering. Lindung daripada kelembapan, haba dan cahaya matahari secara langsung.



Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

Risalah Maklumat Untuk Pesakit



Ubat Untuk Merawat Penyakit Otak

Medicine To Treat Mental Disorders

Chlorpromazine • Flupenthixol • Pimozide
Sulpiride • Haloperidol • Trifluoperazine

MENGENAI ubat anda

Doktor anda telah memberikan anda ubat yang merawat simptom-simptom untuk penyakit otak.

Selain dari penyakit otak, sesetengah ubat ini mungkin digunakan untuk tujuan lain (sebagai contohnya Chlorpromazine untuk mual dan muntah yang teruk dan Haloperidol untuk masalah pengulangan sedu yang kerap)

Ubat ini bertindak dengan mengurangkan pemancaran sesetengah pemancar saraf dalam otak. Dengan tindakan ini, ia membantu untuk menenangkan, meredakan dan mengawal simptom-simptom penyakit otak seperti penyakit pemikiran, kekhayalan, kekeliruan, kekurangan upaya untuk menunjukkan emosi, kekurangan tenaga dan sebagainya.

BAGAIMANA cara saya mengambil ubat ini?

Doktor anda akan mengarahkan anda berapa banyak dan berapa kerap anda patut mengambil ubat ini. Dos anda mungkin perlu ditukar beberapa kali pada mulanya untuk mendapatkan dos berfungsi yang paling baik untuk anda. Jangan mengambil ubat ini dengan berlebihan atau lebih kerap daripada yang diberitahu oleh doctor anda.

Ambil ubat anda pada masa yang sama setiap hari. Anda boleh mengambil ubat ini dengan makanan untuk mengelakkan kesakitan perut. Jangan berhenti mengambil ubat dengan mendadak tanpa meminta nasihat daripada doktor.

Apakah yang patut saya lakukan jika SAYA TERLUPA makan satu dos?

Jika anda lupa ambil satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja anda ingat. Bagaimanapun, jika sudah sampai masa untuk dos yang berikutnya,

Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

biarkan sahaja dos yang terlupa diambil dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual waktu pengambilan ubat. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dimakan itu.

Apakah KEMUNGKINAN KESAN SAMPINGAN pengambilan ubat ini?

1 Pergerakan otot yang di luar kawalan

Ubat ini mungkin menyebabkan kesan sampingan seperti kejang otot, getaran, tarikan pada muka dan badan serta pergerakan di luar kawalan pada lidah, muka dan rahang. Doktor anda mungkin memberikan anda ubat yang dikenali sebagai benzhexol untuk membantu anda mengawal kesan sampingan ini. Beritahu doktor anda jika anda mengalami sebarang pergerakan di luar kawalan.

2 Mengantuk & pening

Ubat boleh menyebabkan anda rasa mengantuk dan pening. Berhati-hati jika anda sedang memandu kereta atau menggunakan mesin. Elak minum alkohol.

3 Kesan-kesan sampingan lain

Ubat ini mungkin menyebabkan kesan sampingan seperti kabur penglihatan, sembelit, kekeringan mulut, sakit atau bengkak pada payudara. Beritahu doktor anda jika anda mempunyai masalah dengan kesan sampingan tersebut.

Apa LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Sebelum mengambil ubat, beritahu doktor anda jika:

- Anda ada alergi terhadap ubat ini atau ubat-ubatan yang lain.
- Anda sedang mengambil ubat-ubatan lain.

Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak